



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A) No.: 400-0/15(23)

Tarikh : 29 JUN 2015

Semua Setiausaha Tetap

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL.5/2015 PELAKSANAAN E-BANKING MELALUI ONLINE ALLIANCE BIZSMART (ABB) DI JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH CAWANGAN TAWAU, SANDAKAN DAN KENINGAU


1. Tujuan

Tujuan Pekeliling ini adalah:

- 1.1 Untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan e-banking semua Pembayaran Am yang dibayar di Jabatan Bendahari Negeri Sabah Cawangan Tawau, Sandakan dan Keningau *kecuali* bagi Baucar Bayaran Elaun JKKK dan Bayaran Gaji Harian serta KWSP yang menggunakan kaedah bayaran *satu (1) baucar ramai penerima*.
- 1.2 Untuk memaklumkan kaedah pembayaran tanpa menggunakan cek melalui pembayaran e-banking / Online Alliance Bizsmart.

2. Latarbelakang

- 2.1 Pada masa ini Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) Cawangan Tawau, Sandakan dan Keningau menggunakan cek untuk membuat pembayaran kepada pelanggan. Kaedah ini memerlukan banyak masa dan kos operasi yang tinggi dalam menyediakan cek, menghantar cek kepada penerima dan menyelenggara akaun-akaun yang terlibat. Bagi meningkatkan efisiensi dan keberkesanan dalam mengurus kewangan dan perakaunan Kerajaan Negeri, Cawangan JBNS yang terlibat akan beralih kepada sistem Online Alliance Bizsmart, pembayaran tanpa menggunakan cek.



3. Kaedah bayaran melalui Online Alliance Bizsmart

- 3.1 Kaedah bayaran menggunakan Online Alliance Bizsmart diperluas kepada baucar-baucar yang dihantar ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah Cawangan Tawau, Sandakan dan Keningau. Ini bermakna pembayaran kepada pelanggan akan dibuat secara e-banking. Cawangan JBNS yang terlibat akan menghantar data pembayaran yang sudah diluluskan kepada Alliance Bank Bhd (ABB) secara 'online'. Amaun berkenaan akan didebit daripada Akaun Bank Jabatan Bendahari Negeri Cawangan dan seterusnya akan membuat pemindahan kredit kepada akaun bank penerima.

4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal

- 4.1 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk merekodkan Nama Penerima, Nombor Kad Pengenalan (ruangan Kad Pengenalan di dalam baucar bayaran JBN.38 tidak diisi dengan apa-apa huruf atau perkataan lain), Nombor Akaun Bank (tanpa sengkang), dan Nama Bank mengikut butiran-butiran yang disahkan oleh penerima dalam Borang Pengesahan Akaun Bank apabila menyediakan baucar Bayaran menggunakan Sistem Buku Vot dan Baucar Bersepadu (SISVOT).
- 4.2 Penerima perlu mengisi Borang Pengesahan Akaun Bank (Sila Lihat LAMPIRAN C) untuk disertakan pada setiap Baucar Bayaran sebagai dokumen sokongan. Baucar Bayaran yang tidak disertakan dengan borang berkenaan akan dikembalikan kepada jabatan berkenaan.

5. Tarikh Pelaksanaan

Pelaksanaan e-banking Pembayaran Am melalui Online Alliance Bizsmart ini akan berkuatkuasa pada **6 Julai 2015**.

6. Penutup

Sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan mengenai dengan pelaksanaan kaedah pembayaran ini, Sila berhubung terus dengan Akauntan, Sekyen Bendahari Daerah, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, kota Kinabalu di talian 088-272183 /emel :Sharifah.Arshad@sabah.gov.my atau Penolong Bendahari Negeri (PDK) di talian 088-272838 / emel :Seria.Indan@sabah.gov.my.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

- sk. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88595 KOTA KINABALU
- sk Pengarah
Jabatan Audit Negara
Cawangan Sabah
Tingkat 7, Rumah Persekutuan
KOTA KINABALU
- sk Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

LAMPIRAN C

Borang Pengesahan Akaun Bank Untuk Pembayaran Baucar Bayaran Am Melalui Alliance Online Banking

Nama Penerima/Syarikat : (sila guna HURUF BESAR):.....

.....

Alamat Penerima/ Syarikat :

Email.....

Nombor Akaun Bank :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(diisi tanpa sengkang dan jarak)

Nama Bank :

Cawangan Bank:.....

Saya sahkan bahawa maklumat dan butir-butir mengenai Akaun Bank seperti di atas adalah benar dan milik sah Syarikat saya/kami:

Saya/kami bersetuju caj perkhidmatan Bank (Jika ada) atas bayaran yang didebit terus ke Akaun berkenaan.

()

Nama:

Jawatan:.....Cop Rasmi Syarikat/Perniagaan:

Tarikh: